

Received	14 May 2026	Accepted	15 May 2026
Revised	11 June 2026	Published	30 June 2026
Volume	8, (June) 2026	Pages	1-12
http://doi.org/			
To cite: Alia Maisara Surimi, et al. 2026. Hierarki sosial dan stratifikasi keturunan dalam puisi cinta Antarah Ibn Shaddad: suatu analisis sosiobudaya. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 8 (June 2026): 1-12. DOI: http://doi.org/			

Hierarki Sosial dan Stratifikasi Keturunan dalam Puisi Cinta Antarah Ibn Shaddad: Suatu Analisis Sosiobudaya

Social Hierarchy and Lineage Stratification in the Love Poetry of Antarah ibn Shaddad: A Sociocultural Analysis

Alia Maisara Surimi ¹, Nurul Najihah Amat Hamun ²
& Nurul Iman Mohammad Anuar Kamal ³

Abstrak

Dalam masyarakat Arab pra Islam, kedudukan individu amat ditentukan oleh keturunan dan status sosial. Keadaan ini menjadikan hubungan cinta antara Antarah bin Shaddad, seorang penyair berketurunan hamba, dan Abla binti Malik, wanita bangsawan kabilah, sukar diterima oleh masyarakat. Kajian ini bertujuan meneliti bagaimana hierarki sosial dan stratifikasi keturunan digambarkan dalam puisi cinta karya Antarah serta bagaimana unsur cinta, identiti dan maruah saling berinteraksi dalam konteks budaya Jahiliah. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis sosiobudaya dan kaedah analisis tematik terhadap beberapa puisi terpilih bagi memahami representasi status sosial serta perjuangan watak utama. Dapatan menunjukkan bahawa penolakan keluarga Abla terhadap Antarah mencerminkan pandangan masyarakat yang menitikberatkan keturunan, manakala puisi puisi Antarah berfungsi sebagai medium untuk menegaskan nilai keberanian, cinta dan keinginan untuk diiktiraf sebagai insan bermaruah. Kajian ini menyimpulkan bahawa puisi cinta

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: A202629@siswa.ukm.edu.my

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: A202481@siswa.ukm.edu.my

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: nuruliman@ukm.edu.my

Antarah bukan sekadar kisah peribadi tetapi juga manifestasi perjuangan manusia menentang ketidakadilan sosial. Sumbangan utama kajian ini terletak pada tafsiran baharu terhadap puisi Arab klasik sebagai wacana sosial yang melangkaui zaman, yang menyingkap bukan sahaja realiti masyarakat Jahiliah tetapi turut menawarkan cerminan terhadap isu-isu sosial moden seperti diskriminasi, ketidakadilan darjat dan perjuangan identiti dalam masyarakat kontemporari.

Kata Kunci: Antarah ibn Shaddad, Puisi Cinta Arab Klasik, Hierarki Sosial, Identiti dan Maruah, Analisis Sosiobudaya.

Abstract

In pre-Islamic Arab society, an individual's position was largely determined by lineage and social status. This reality made the romantic relationship between Antarah ibn Shaddad, a poet of slave descent, and Abila binti Malik, a noblewoman of her tribe, difficult for the community to accept. This study examines how social hierarchy and lineage stratification are portrayed in Antarah's love poems, and how the elements of love, identity and honour interact within the sociocultural context of the Jahiliyyah era. Employing a sociocultural analytical framework and thematic analysis of selected poems, the study explores representations of social status and the struggles faced by the central figures. The findings indicate that the rejection of Antarah by Abila's family reflects societal views that prioritised lineage, while Antarah's poems served as a medium to assert values of bravery, love and the desire for dignified recognition. The study concludes that Antarah's love poetry is not merely a personal narrative, but a manifestation of human resistance against social injustice. Its main contribution lies in offering a renewed interpretation of classical Arabic poetry as a timeless social discourse that reveals the realities of Jahiliyyah society while also reflecting contemporary issues such as discrimination, inequality and the struggle for identity.

Keywords: *Antarah ibn Shaddad, classical Arabic love poetry, social hierarchy, identity and honor, socio-cultural analysis.*

Pengenalan

Antarah ibn Shaddad al Absi ialah simbol keberanian, keindahan bahasa dan perjuangan identiti dalam masyarakat Arab Jahiliyyah (Nicholson 1907). Kedudukannya sebagai anak berdarah campuran Arab Habsyi menjadikannya sasaran diskriminasi sosial, namun pada masa yang sama membentuk kekuatan moral yang terpancar dalam syairnya (Lyll 1913; Al Jallad 2018). Kisah cintanya dengan Abila binti Malik menjadi tunjang utama dalam puisi Muallaqat Antarah, yang bukan sekadar mencerminkan emosi cinta tetapi juga perjuangan identiti dan maruah (Al Hajji 1980). Penolakan keluarga Abila atas faktor keturunan menggambarkan hierarki sosial Jahiliyyah yang sarat prejudis (Shahine 1997; Hitti 1970). Oleh itu, cinta

Antarah merupakan bentuk resistensi terhadap stratifikasi sosial tersebut, yang mencerminkan konflik antara individu dan masyarakat.

Watak Ablah dalam syair tidak wajar dilihat sebagai tokoh pasif, bahkan menjadi simbol martabat, kesetiaan dan kekuatan moral wanita Arab. Gambaran ini seiring pandangan Ibn Qutaybah (1953) yang menegaskan bahawa penyair Arab ialah jurucakap nilai masyarakatnya. Ablah berperanan sebagai neraca keberanian Antarah, sekali gus menjadikan hubungan mereka medan pertautan estetika dan etika. Dalam konteks moden, cinta Antarah dan Ablah boleh dibaca sebagai metafora konflik antara idealisme dan realiti sosial sebagaimana diuraikan Bauman (2003) dan Giddens (1992). Cinta sebagai “projek identiti diri” (Giddens 1992) menjadikan naratif ini relevan dengan masyarakat kontemporari yang bergelut antara kebebasan individu dan tekanan norma. Justeru, hubungan mereka bukan sekadar naratif romantik tetapi refleksi struktural terhadap maruah dan identiti.

Walaupun naratif ini sering diraikan sebagai lambang heroisme Arab pra Islam, banyak analisis klasik menumpukan keberanian Antarah tanpa meneliti konteks psikososial yang membentuk perjuangannya (Chejne 1969; Ihsan Abbas 1996). Konflik cinta dan keturunan yang menjadi inti naratif ini jarang dibaca sebagai pertentangan antara individu dan struktur sosial kolektif Jahiliyyah (Al Azme 2014). Di sinilah muncul persoalan kajian: sejauh mana kisah ini mencerminkan pergolakan identiti, kelas dan perhambaan dalam struktur masyarakat zamannya? Imej Ablah turut sering disalahfaham, sedangkan pendekatan sosiologi sastera membuka ruang untuk menilai perannya sebagai agen moral, bukan sekadar objek cinta (Ahmed 1992; Al Arawi 2011). Lantaran itu, wujud jurang kritikal dalam bacaan tradisional yang perlu dianalisis semula.

Pendekatan feminis dan poskolonial seperti diuraikan Ahmed (1992) dan Mernissi (1991) membantu memulihkan kedudukan wanita dalam teks klasik Arab yang kerap dipaparkan sebagai pelengkap naratif lelaki. Dalam konteks ini, Ablah menjadi suara batin, penimbang nilai dan representasi kekuatan emosi yang mengimbangi keberanian Antarah. Tafsiran sedemikian menonjolkan bahawa hubungan mereka mencerminkan kesalingan, bukan ketundukan. Naratif cinta dalam dunia Jahiliyyah juga mengandungi agenda sosial tersirat yang menuntut pengiktirafan, menolak hierarki dan membina legitimasi diri. Justeru, terdapat keperluan untuk membaca kisah ini melalui lensa sosiologi sastera secara lebih kritikal.

Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini menilai hubungan antara Antarah dan Ablah sebagai refleksi kritikal terhadap isu kebebasan individu, maruah manusia dan legitimasi cinta dalam masyarakat berhierarki. Rentetan itu, kajian ini meneliti bagaimana teks syair berfungsi sebagai medium untuk mencabar norma kelas serta diskriminasi keturunan dalam budaya Arab pra Islam. Selain itu, kajian ini mengkaji peranan pengalaman emosi dan hubungan sosial dalam membentuk identiti kedua-dua tokoh. Dengan menggunakan analisis teks dan konteks, kajian ini menegaskan bahawa naratif tersebut merupakan medan pertembungan antara individu dan kuasa sosial, di samping menunjukkan bagaimana cinta digunakan sebagai strategi pergolakan identiti.

Tumpuan turut diberikan kepada pengaruh konflik kelas, status perhambaan dan gender terhadap perjuangan Antarah, yang sering ditolak oleh masyarakatnya. Dinamika ini menjadikan kisah mereka lebih daripada sekadar romantisme; ia adalah manifestasi perjuangan identiti, legitimasi sosial dan nilai kemanusiaan. Tema ini turut bergema dalam sosiobudaya Melayu seperti dalam Hikayat Hang Tuah dan Syair Siti Zubaidah (Sweeney 1980; Harun 2006). Oleh itu, penafsiran semula kisah Antarah dan Abla membuka ruang pemahaman baharu yang lebih kritikal serta relevan terhadap isu kontemporari seperti maruah, cinta dan kedudukan manusia dalam sistem sosial. Dengan demikian, naratif ini kekal signifikan dalam wacana moden.

Kajian Literatur

Kajian terhadap Antarah ibn Shaddad sering berkisar pada latar sosialnya sebagai penyair yang terperangkap antara keturunan hamba dan identiti kesatria. Sarjana awal seperti Nicholson (1907) dan Hitti (1970) menumpukan perhatian kepada aspek heroisme dan kepahlawanannya, namun kurang memberikan tumpuan kepada marginalisasi sosial yang membentuk pengalaman hidup dan puisinya. Kajian lanjutan oleh Montgomery (2018) dan Al-Jallad (2018) memperluas pemahaman terhadap konteks budaya pra-Islam, terutamanya struktur kesukuan, konsep maruah dan stratifikasi keturunan yang menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat Arab Jahiliyyah.

Dalam bidang kritik puisi, Stetkevych (1993) menafsirkan syair Antarah sebagai naratif sarat ritual legitimasi, di mana penyair menggunakan keberanian, kesetiaan dan cinta sebagai strategi untuk menuntut pengiktirafan sosial. Pendekatan ini membuktikan bahawa hubungan Antarah dengan Abla bukan sekadar kisah cinta romantik, tetapi retorik identiti yang menegaskan hak untuk dihormati. Kajian Shahine (1997) turut menunjukkan bahawa unsur cinta dalam puisi Jahiliyyah berfungsi sebagai penanda moral yang memposisikan wira dalam kerangka nilai kesukuan, sekali gus mengaitkan emosi dengan perjuangan sosial.

Dalam dimensi gender, sarjana feminis seperti Mernissi (1991), Ahmed (1992) dan Al-Arawi (2011) menegaskan bahawa wanita dalam teks Arab klasik tidak wajar dilihat sebagai tokoh pasif. Mereka berhujah bahawa figura wanita sering berperanan sebagai agen makna yang membentuk orientasi moral, psikologi dan maruah lelaki. Dalam konteks Antarah, Abla muncul sebagai simbol nilai yang bukan sahaja menguatkan identiti penyair, tetapi juga menjadi mekanisme simbolik yang mencabar ketidakadilan keturunan melalui ketekunan cinta dan kesetiaan.

Pendekatan sosiologi sastera pula, seperti yang dihuraikan Sweeney (1980) dan Harun Mat Piah (2006), menawarkan kerangka untuk membaca karya sastera sebagai refleksi struktur sosial. Melalui kerangka ini, Diwan Antarah dapat difahami sebagai dokumen budaya yang merakamkan ketegangan antara stratifikasi keturunan dan aspirasi individu. Walau bagaimanapun, beberapa jurang kajian masih wujud, terutamanya dalam menghubungkan tema cinta, maruah, identiti dan kedudukan wanita secara serentak. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana cinta, keberanian dan stratifikasi sosial bertembung dalam pembentukan identiti Antarah sebagai wira yang menolak peminggiran.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis teks terhadap syair Antarah ibn Shaddad yang memperlihatkan hubungan dan peranan Abila dalam pembentukan identiti kepahlawanan Antarah. Pendekatan ini dipilih kerana teks sastra klasik lazimnya berfungsi sebagai wahana budaya yang memantulkan struktur sosial masyarakat serta wacana kuasa yang mengikatnya (Stetkevych 1993; Montgomery 2018). Reka bentuk kajian berasaskan kerangka sosiologi sastra yang menilai karya bukan sahaja sebagai teks estetik, tetapi juga sebagai dokumen budaya yang menyimpan nilai dan ideologi kolektif (Williams 1958; Goldmann 1980; Eagleton 2002; Bakhtin 1981). Melalui kerangka ini, kajian meneliti bagaimana teks puisi menggambarkan pertentangan kelas dan keturunan dalam pembinaan identiti Antarah serta agensi dan kuasa simbolik Abila dalam struktur patriarki masyarakat Arab. Pendekatan ini membolehkan pembacaan yang lebih kritikal dan melangkaui tafsiran romantik tradisional yang sering menumpukan kisah cinta tanpa melihat dimensi sosial yang mendasarinya (Shahine 1997; Mernissi 1991).

Sumber data kajian terdiri daripada teks primer dan sekunder. Teks primer merujuk kepada *Diwan Antarah* berdasarkan suntingan Lyall (1913) yang dijadikan teks utama, disertai perbandingan dengan edisi Ahlwardt (1903) bagi memastikan ketulenan bait yang dianalisis. Sumber sekunder pula terdiri daripada karya ilmiah mengenai sastra Arab pra Islam, hierarki sosial, konsep maruah dan wacana gender (Ahmed 1992; Hitti 1970; Stetkevych 1993; Montgomery 2018). Pemilihan sumber pelbagai tradisi ini memastikan interpretasi tidak tertumpu kepada satu pendekatan sahaja dan mengelakkan pembacaan yang bersifat *mono-disciplinari*.

Pemilihan data dilakukan melalui persampelan bertujuan berdasarkan beberapa kriteria khusus bagi memastikan setiap bait mempunyai nilai interpretasi yang relevan dengan objektif kajian. Antara kriteria tersebut termasuk bait yang menonjolkan konflik maruah dan keturunan Antarah, bait yang memperlihatkan peranan Abila sebagai pemakna tindakan atau identiti protagonis, serta bait yang telah dibincangkan atau disokong oleh sarjana terdahulu. Bait-bait yang memenuhi kriteria ini dianalisis melalui pembacaan dekat (*close reading*) dengan memberi tumpuan kepada representasi keturunan, konsep maruah dan hubungan cinta yang membentuk identiti Antarah.

Prosedur analisis data melibatkan proses pengkodan tema, di mana bait-bait terpilih disusun dalam dua kategori utama: pertama, gambaran diskriminasi keturunan dan respons maruah Antarah; dan kedua, cinta sebagai agen legitimasi sosial dalam naratif kepahlawanannya. Analisis interpretatif digunakan untuk memahami makna tersirat dalam konteks struktur sosial Jahiliyyah dan kedudukan gender pada zaman tersebut. Kajian turut membuat perbandingan antara tafsiran teks dan pandangan sarjana moden sebagai mekanisme triangulasi bagi memastikan analisis kekal kontekstual dan tidak terputus daripada latar budaya dan sejarah asal. Batasan kajian hanya tertumpu pada watak Antarah dan Abila, namun hal ini tidak menjejaskan matlamat utama kajian untuk menonjolkan pencartaan makna, identiti dan legitimasi sosial dalam hubungan dua tokoh tersebut.

Dapatan Kajian

Naratif Abla dan Antarah ibn Shaddad memperlihatkan pertindihan antara persoalan identiti, cinta dan kuasa sosial, seiring dengan pandangan bahawa syair Arab berperanan sebagai wadah perundingan status dan maruah dalam masyarakat Jahiliyyah (Stetkevych 1993; Montgomery 2018). Berdasarkan analisis, dua tema utama dikenal pasti, iaitu (1) ketidakadilan sosial dan identiti Antarah ibn Shaddad, serta (2) representasi wanita dan peranan etika Abla.

Ketidakadilan Sosial dan Identiti Antarah ibn Shaddad

Walaupun dilahirkan sebagai anak kepada bangsawan al-‘Absi, Antarah tetap dipandang hina kerana ibunya merupakan hamba Habsyi. Realiti diskriminasi ini menjadi pendorong perjuangannya untuk meraih martabat sosial yang setara (Chejne 1969; Ihsan Abbas 1996). Konflik tersebut digambarkan dengan tegas dalam syairnya:

وَلَقَدْ شَفَيْتُ النَّفْسَ مِنْ حِقْدِي عَلَيْكُمْ * وَقَتَلْتُ قَبْلَكُمْ أَنْاسًا بِهَمَّا

Aku telah melepaskan dendamku terhadap kalian, dan aku telah membunuh sebelum ini mereka yang hina menentangku.

(Ahlwardt 1903; Mu‘allaqat Antarah, l.21)

Bait ini menzahirkan pemberontakan moral terhadap hierarki keturunan yang membataskan martabat Antarah dalam masyarakat Jahiliyyah. Keberanian dan kekuatan fizikal bukan sekadar unsur kepahlawanan, tetapi diangkat sebagai instrumen legitimasi diri dalam struktur sosial yang menilai seseorang berdasarkan darah dan asal-usul. Budaya Arab pra-Islam menekankan bahawa lelaki diukur melalui jasad, keberanian dan kemampuan mempertahankan kehormatan suku (Hitti 1970). Dalam konteks ini, keberanian Antarah dan kecekapan dirinya dalam pertempuran berfungsi sebagai mekanisme untuk menuntut pengiktirafan sosial, membuktikan bahawa nilai moral, keberanian dan integriti mampu mengatasi stigma keturunan. Strategi ini memperkukuh kedudukannya dalam kalangan bangsawan dan membentuk naratif identiti berasaskan merit, suatu kerangka yang mencerminkan wacana moden tentang kuasa, status dan integriti individu.

Selain itu, syair lain memperlihatkan bagaimana penindasan terhadap asal-usulnya dijawab dengan penegasan maruah:

السُّودُ مِنْ سَادَاتِكُمْ وَأَجْلُكُمْ * وَالْحَيْلُ تَعْرِفُنِي وَالسَّيْفُ وَالرُّمْحُ

Aku yang hitam ini lebih mulia daripada ketua kalian kudaku mengenalku, begitu juga pedang dan tombak.

(Lyall 1913, v.42)

Bait tersebut menonjolkan keunggulan diri melalui keberanian dan kemahiran perang, meskipun asal-usulnya dipandang rendah. Ungkapan “kudaku mengenalku, juga pedang dan tombak” menegaskan bahawa tindakan nyata dan prestasi kepahlawanan menjadi asas penghormatan sosial, bukan garis keturunan (Chejne

1969; Lyall 1913). Lyall (1913) menafsirkan syair ini bukan sekadar pujian diri, tetapi pernyataan identitas dan legitimasi sosial. Montgomery (2018) pula menekankan bahwa melalui tindakan dan pencapaian, Antarah mengubah naratif diskriminasi yang menimpa dirinya. Dalam perspektif moden, hal ini menunjukkan bahwa identitas dan maruah diri boleh dibina melalui kemampuan dan prestasi, seterusnya menjadi alat menentang stereotaip serta ketidakadilan sosial (Giddens 1992; Bauman 2003).

Perjuangan identitas ini turut terserlah dalam bait berikut:

أَلَا يَا عَبْلٌ قَدْ زَادَ التَّصَايِي * وَجَّ الْيَوْمَ قَوْمُكَ فِي عَذَابِي

Wahai Aba, semakin memuncak rasa cintaku,
Namun kaummu hari ini semakin keras menyeksaku.

(Lyall 1913; *Diwan Antarah*, v.112)

Bait ini tidak menggambarkan rasa hina tetapi keteguhan hati seorang wira yang menolak tunduk kepada tekanan sosial. Menurut Stetkevych (1993), kisah cinta Antarah berfungsi sebagai strategi menentang stratifikasi sosial dengan meletakkan cinta sebagai asas sah kepada kehormatan diri. Kesetiaannya kepada Aba menjadi tuntutan bahwa manusia harus dinilai berdasarkan akhlak dan keberanian, bukan keturunan. Cinta, dalam hal ini, menjadi medan pembentukan identitas dan legitimasi sosial yang mengangkat martabat Antarah walaupun ditolak struktur sosial yang elitis.

Representasi Wanita dan Peranan Etika Aba

Walaupun hidup dalam sistem patriarki (masyarakat yang memberi kuasa lebih besar kepada lelaki), Aba tetap mempunyai peranan penting dalam kehidupan Antarah. Beliau bukan sahaja menjadi tokoh yang dicintai, tetapi juga sumber kekuatan dan pedoman moral bagi Antarah (Ahmed 1992; Mernissi 1991). Cinta Antarah terhadap Aba sering menjadi pendorong tindakannya, seperti yang digambarkan dalam bait berikut:

وَلَقَدْ ذَكَرْتُكَ وَالرِّمَاحُ نَوَاهِلٌ * مَيِّ وَبَيْضُ الْهِنْدِ تَقْطُرُ مِنْ دَمِي

Aku mengingatmu, Aba, ketika tombak menikam tubuhku,
dan pedang India menitis darahku.

(Lyall 1913; Mu'allaqat Antarah, l.10)

Bait ini menunjukkan bahwa Aba menjadi simbol maruah, kesetiaan dan kekuatan dalaman yang membantu membentuk tindakan Antarah di medan perang. Beliau berfungsi sebagai suara yang menenangkan dan membimbing wira tersebut, menjadikan hubungan mereka satu bentuk kasih sayang yang saling menghormati, bukan hubungan yang menuntut ketundukan sebelah pihak (Ahmed 1992; Mernissi 1991).

Peranan Abla sebagai sumber keberanian turut tergambar melalui metafora berikut:

أُجَبُّكَ يَا ظَلُومٌ فَأَنْتَ عِنْدِي * مَكَانَ الرُّوحِ مِنْ جَسَدِ الْجَبَانِ
وَلَوْ أَنِّي أَقُولُ مَكَانَ رُوحِي * خَشِيتُ عَلَيْكَ بِأِدْرَةِ الطَّعَانِ

Aku mencintaimu wahai yang kejam,
kerana engkau bagiku seperti roh bagi tubuh seorang pengecut.
Jika aku menyatakan bahawa engkau adalah rohku,
aku khuatir engkau akan segera disambar mata tombak.

(Lyll 1913; Diwan Antarah, v.154)

Dalam bait ini, cinta dikaitkan dengan makna hidup dan keberanian. Abla digambarkan sebagai “roh” metaforik yang memberikan kekuatan dalaman kepada Antarah, seolah-olah keberaniannya hanya wujud kerana kewujudan Abla dalam hidupnya. Stetkevych (1993) menjelaskan bahawa wanita dalam syair Jahiliyyah sering memainkan peranan sebagai sumber makna kepahlawanan, iaitu sebagai punca hidup, tujuan perjuangan dan asas keberanian seorang wira.

Selain memberi kekuatan, Abla juga menguasai ruang emosi dan psikologi Antarah, seperti yang terlihat dalam bait berikut:

زَارَ الْخَيَالَ خَيَالَ عِبَلَةٍ فِي الْكَرَى * لَمْ تَمِ نَشْوَانٌ مَحْلُولِ الْغُرَى

Bayangan Abla menjelma dalam tidurku,
menziarahi seorang yang mabuk cinta dan terlerai kekuatannya.

(Lyll 1913; Diwan Antarah, v.112)

Kehadiran Abla dalam mimpi menunjukkan bahawa cinta mereka melampaui batas realiti dan menjadi simbol yang mengekalkan semangat perjuangan Antarah. Ungkapan “mabuk cinta” dan “terlerai kekuatan” menggambarkan paradoks cinta, ia boleh melemahkan emosi, tetapi pada masa yang sama dapat menghidupkan kembali tekad dan keazaman (Ahmed 1992; Shahine 1997).

Selain menjadi pencetus keberanian, Abla juga menjadi pusat kesedaran identiti diri Antarah, seperti dalam bait berikut:

يَا عَبْلُ أَيْنَ مِنَ الْمَنِيَّةِ مَهْرِي * إِنْ كَانَ رَبِّي فِي السَّمَاءِ قَضَاهَا

Wahai Abla, ke mana dapat aku melarikan diri daripada kematian,
Jika Tuhanku di langit telah menetapkannya?

(Lyll 1913; Diwan Antarah, v.67)

Di sini, cinta menjadi kerangka kesedaran tentang hidup, mati dan takdir. Menurut Montgomery (2018), keberanian Antarah bukan sahaja respons terhadap penindasan keturunan, tetapi juga kesedaran rohani bahawa maruah manusia berakar pada hubungan dengan ketentuan Ilahi. Akhirnya, naratif ini menampilkan wanita dalam teks klasik Arab bukan sekadar objek pasif, tetapi sebagai agen makna yang mempengaruhi tingkah laku lelaki dan menentukan orientasi moral perjuangan

(Mernissi 1991). Figura Abla menjadi pusat simbolik yang mengikat identiti Antarah, menjadikan cinta sebagai elemen yang menstrukturkan nilai, prinsip dan martabat wira dalam menghadapi cabaran sosial dan eksistensial.

Perbincangan

Perbincangan ini menunjukkan bahawa puisi cinta Antarah ibn Shaddad dan Abla memberi gambaran jelas tentang bagaimana hierarki sosial dan struktur keturunan membentuk pengalaman hidup individu dalam masyarakat Arab Jahiliyyah (Montgomery 2018). Kisah mereka menampilkan tekanan sosial terhadap individu yang berada di luar kelompok status dominan, khususnya mereka yang dihukum berdasarkan keturunan, bukan keperibadian atau kemampuan diri (Hitti 1970). Dalam konteks ini, Antarah berdepan marginalisasi kerana asal-usul ibunya, walaupun beliau memiliki keberanian dan kepahlawanan yang diakui masyarakat. Ini membuktikan bahawa identiti sosial dalam masyarakat Jahiliyyah lebih banyak ditentukan oleh garis keturunan berbanding nilai moral atau prestasi peribadi.

Situasi ini bukan hanya terhad kepada zaman lampau, tetapi turut tercermin dalam naratif budaya moden seperti drama Melayu *Nur* (2018), di mana watak Nur dipandang rendah kerana latar keluarganya. Fenomena ini selari dengan kisah Antarah, menunjukkan bagaimana keturunan masih berfungsi sebagai alat eksklusi sosial dalam masyarakat kontemporari (Trimilati et al. 2024). Malah, wujudnya sistem kasta moden di India, Nepal dan Sri Lanka membuktikan bahawa diskriminasi berasaskan keturunan terus menjadi realiti sosial yang diwarisi (Bayly 2008). Perbandingan ini menguatkan pemahaman bahawa pembinaan identiti sering berlaku dalam rangka kekangan sosial yang ditentukan oleh struktur keturunan, sama seperti yang dialami Antarah.

Selain menyoroti isu keturunan, perbincangan ini juga menekankan peranan Abla sebagai agen moral dan emosi dalam kehidupan Antarah. Beliau bukan sekadar watak romantik, tetapi menjadi sumber kekuatan dalaman yang menstabilkan perjuangan dan maruah Antarah (Ahmed 1992; Mernissi 1991). Kehadirannya digambarkan melalui sifat kasih, kebijaksanaan dan keteguhan emosi yang membantu membentuk keberanian Antarah. Peranan ini mengingatkan kepada tokoh-tokoh wanita dalam naratif moden seperti Aminah dalam drama *Aku Bukan Ustazah 2* (2025), yang menjadi penyokong moral kepada watak lelaki utama (Trimilati et al. 2024). Seperti Aminah, Abla menjadi pusat kestabilan emosi yang menguatkan identiti wira, menjadikan keberanian Antarah bukan sahaja tindakan fizikal, tetapi juga respon terhadap nilai moral yang diilhamkan oleh seorang wanita.

Dalam konteks lebih luas, peranan wanita sebagai penjaga nilai kemanusiaan dan pelindung masyarakat turut kelihatan dalam bidang sains dan kesihatan, khususnya ketika pandemik COVID-19. Doktor wanita berperanan besar dalam memelihara keselamatan dan kesihatan masyarakat melalui ketabahan, empati dan kecekapan profesional (Bushra et al. 2024). Perbandingan ini menegaskan bahawa peranan wanita dalam membimbing, menenangkan dan menstabilkan masyarakat sama ada dalam keluarga, komuniti atau medan perubatan adalah konsisten merentas zaman. Dengan itu, kedudukan Abla dalam syair Antarah wajar dilihat sebagai figura moral yang mengukuhkan tujuan dan keberanian seorang pahlawan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menekankan bahawa puisi Antarah bukan sekadar kisah cinta, tetapi wacana sosial yang memperlihatkan hubungan antara keturunan, identiti, maruah dan peranan gender dalam masyarakat berhierarki. Antarah berjuang menentang ketidakadilan struktur sosial, manakala Abla pula menjelmakan nilai moral yang mengukuhkan identiti kepahlawanannya. Kedua-dua aspek ini membentuk naratif yang kaya dan relevan, bukan sahaja untuk memahami masyarakat Jahiliyyah, tetapi juga untuk menilai isu-isu kontemporari berkaitan kelas sosial, diskriminasi dan agensi wanita dalam pembentukan identiti manusia.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian terhadap puisi cinta Antarah ibn Shaddad memperlihatkan bagaimana hubungan antara keturunan, kasta dan jantina membentuk realiti sosial masyarakat Arab Jahiliyyah. Pengalaman Antarah menunjukkan bahawa identiti seseorang sering ditentukan oleh garis keturunan, manakala Abla pula berperanan sebagai suara moral yang mencabar ketidakseimbangan sosial tersebut (Montgomery 2018). Oleh itu, puisi mereka tidak sekadar mengisahkan cinta, tetapi menjadi wacana yang menyingkap ketidakadilan sosial yang diwarisi turun-temurun (Hitti 1970).

Perbandingan dengan naratif moden dan realiti kontemporari turut membuktikan bahawa isu diskriminasi sosial dan peranan moral wanita tetap relevan merentas zaman. Sama ada dalam drama Melayu atau dalam konteks global seperti pandemik COVID-19, nilai kasih sayang, kebijaksanaan dan ketabahan wanita terus menjadi asas kepada kesejahteraan sosial (Bushra et al. 2024). Hal ini menegaskan bahawa perjuangan membina maruah dan keadilan sosial tidak dapat dipisahkan daripada kekuatan nilai kemanusiaan yang dipelihara wanita.

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan dapat dikemukakan untuk kajian lanjutan. Pertama, analisis menyeluruh terhadap keseluruhan *Diwan Antarah* dapat memberi gambaran lebih lengkap tentang perkembangan tema cinta, maruah dan identiti dalam keseluruhan karya penyair tersebut. Kedua, penyelidikan perbandingan antara puisi Antarah dengan penyair Jahiliyyah lain seperti Imru' al-Qays atau al-A'sha boleh memperluas pemahaman tentang bagaimana unsur keturunan, kelas dan gender berfungsi dalam tradisi syair pra-Islam. Ketiga, kajian penerimaan (reception studies) terhadap bagaimana kisah Antarah dan Abla diolah dalam sastera moden, drama, filem atau media digital berpotensi menunjukkan kesinambungan nilai klasik dalam budaya kontemporari. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh menggunakan pendekatan feminis atau poskolonial untuk menilai semula kedudukan wanita dalam teks Arab klasik, termasuk perbandingan watak Abla dengan tokoh wanita Jahiliyyah yang lain. Akhir sekali, penggunaan kaedah analisis digital seperti *computational text analysis* boleh membuka perspektif baharu dalam memahami corak bahasa, simbol dan tema dalam *Diwan Antarah* secara lebih sistematik.

Kesimpulannya, kisah Antarah dan Abla bukan hanya menyimpan nilai estetik, tetapi turut menawarkan wacana mendalam tentang identiti, maruah dan hubungan manusia dalam sistem sosial berhierarki. Kajian lanjutan terhadap tema-tema ini berpotensi memperkaya pemahaman kita tentang budaya Arab klasik serta relevansinya dalam perbincangan sosial dan kemanusiaan hari ini.

Rujukan

1. Ahmed, Leila. 1992. *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate*. New Haven: Yale University Press.
2. Al-Arawi, M. 2011. *Women in Classical Arabic Literature*. London: Routledge.
3. Al-Azmeh, Aziz. 2014. *The Emergence of Islam in Late Antiquity*. Cambridge: Cambridge University Press.
4. Al-Hamawi, Yaqt ibn 'Abdullah. 1925. *Mu'jam al-Udaba'*. Vol. VI, p. 312.
5. Al-Jallad, Ahmad. 2018. *Arabic Epigraphy and Early Poetry: Linguistic and Cultural Studies*. Leiden: Brill.
6. Ahlwardt, W. 1903. *Mu'allaqat Antarah*.
7. Bakhtin, Mikhail M. 1981. *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
8. Bauman, Zygmunt. 2003. *Liquid Love: On the Frailty of Human Bonds*. Cambridge: Polity Press.
9. Bayly, Susan. 2008. *Caste, Society and Politics in India from the Eighteenth Century to the Modern Age*. Cambridge: Cambridge University Press.
10. Bushra Al-Akashee, Wafa Barhoumi & Fatima Hegazy. 2024. "Challenges of Women Healthcare Workers during COVID-19." *Emerging Science Journal*. <https://doi.org/10.28991/ESJ-2024-08-04-017>
11. Chejne, A. G. 1969. *Arabic Literature in the Post-Classical Period*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
12. Eagleton, Terry. 2002. *Marxism and Literary Criticism*. London: Routledge.
13. Giddens, Anthony. 1992. *The Transformation of Intimacy: Sexuality, Love, and Eroticism in Modern Societies*. Stanford: Stanford University Press.
14. Goldmann, Lucien. 1980. *Essays on Method in the Sociology of Literature*. St. Louis: Telos Press.
15. Harun Mat Piah. 2006. *Sastera Melayu Klasik: Analisis Tema dan Nilai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. Hitti, Philip K. 1970. *History of the Arabs*. New York: Macmillan / St. Martin's Press.
17. Ihsan Abbas. 1996. *Studies in Arabic Literary Heritage*.
18. Idora Abdul Rahman. 2025. *Aku Bukan Ustazah 2* [Drama siri]. Kuala Lumpur: Global Station Sdn. Bhd.
19. Ibn Qutaybah. 1953. *Kitāb al-Shi'r wa al-Shu'ara'*.
20. Lyall, C. J. 1913. *The Diwan of Antarah ibn Shaddad*. Oxford: Oxford University Press.
21. Mernissi, Fatima. 1991. *The Forgotten Queens of Islam*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
22. Montgomery, James E. 2018. *Arabs and Heroes: Poetry and Identity in Pre-Islamic Arabia*. Cambridge: Routledge.
23. Nicholson, Reynold A. 1907. *A Literary History of the Arabs*. London: T. Fisher Unwin.
24. Shahine, T. 1997. *Women and Honor in Classical Arabic Poetry*. Cambridge: Cambridge University Press.
25. Shahrulzad Mohameddin. 2018. *Nur* [Drama siri]. Kuala Lumpur: Radius One Sdn. Bhd.

26. Sweeney, Amin. 1980. *Malay Literature and Narrative Traditions*. Oxford: Oxford University Press.
27. Stetkevych, Suzanne Pinckney. 1993. *The Mute Immortals Speak: Pre-Islamic Poetry and the Poetics of Ritual*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
28. Trimilati, M. Latifa Intan; Heryana, Nanang; Wartiningsih, Agus. 2024. "Kajian Feminisme dalam Serial Drama *Aku Bukan Ustazah* Karya Idora Abdul Rahman." *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*. Pontianak: Universitas Tanjungpura.
29. Williams, Raymond. 1958. *Culture and Society*. London: Chatto & Windus.